

**Tanpa wasatiyyah, masyarakat jatuh ke lembah liberalisme, ekstremisme, kata Najib**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 27, 2015**  
**Oleh Md Izwan**

Datuk Seri Najib Razak menyifatkan hanya dengan pendekatan wasatiyyah (kesederhanaan) masyarakat dapat dibendung daripada terjebak ke lembah liberalisme dan ekstremisme yang merupakan ancaman utama kepada mana-mana agama.

Perdana menteri berkata hari ini, wasatiyyah sangat penting kerana ia merupakan aspek yang seimbang dan terbaik bagi mana-mana masyarakat.

"Tanpa wasatiyyah, masyarakat akan mudah terjebak ke dalam ekstremisme yang mengakibatkan radikalisme seperti IS (Islamic States), atau ekstremisme yang akan mengancam agama seperti liberalisme dan ekstremisme," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Agama dan Keharmonian Hidup Bersama di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di Kuala Lumpur, petang ini. – 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tanpa-wasatiyyah-masyarakat-jatuh-ke-lembah-liberalisme-ekstremisme-kata-na>